

PENGURUS
[REDACTED] SDN BHD
47400 PETALING JAYA
SELANGOR

[REDACTED]
26/02/2016

U/P : ENCIK [REDACTED]
(PENGARAH)

Tuan/Puan,

PER : NOTIS TINDAKAN PENDAKWAAN DI BAWAH KESALAHAN GAGAL/LEWAT
MENGEMBALIKAN BORANG E - CP630

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan rekod LHDNM, majikan adalah didapati telah melakukan kesalahan **Gagal / Lewat Mengembalikan Borang E** [Penyata Saran Majikan] dalam tempoh yang dibenarkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah **Seksyen 83(1) Akta Cukai Pendapatan 1967** iaitu mengemukakan Borang E tidak lewat daripada **31 Mac** setiap tahun.

3. Sila maklum bahawa majikan adalah bertanggungjawab mengemukakan Borang E setiap tahun sehingga syarikat disahkan tidak aktif / dibatalkan oleh agensi yang bertanggungjawab. (contoh : SSM / MIDA / dll)

4. Kesalahan ini boleh disabitkan di bawah **Seksyen 120 ACP 1967** di mana majikan boleh didenda tidak melebihi **RM2000.00** atau **dipenjarakan selama tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali**.

5. Berikut adalah rekod data penerimaan borang dan juga kadar kompaun yang dikenakan :

Tahun Taksiran	Tarikh Akhir	Tarikh Penerimaan	Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan	Jumlah Kompaun / Catatan
2012	31/03/2013	24/05/2015	Lewat	Pertama	RM200.00
2013	31/03/2014	24/05/2015	Lewat	Kedua	RM400.00
2014	31/03/2015	24/05/2015	Lewat	Ketiga	RM600.00

2nd offense: to add RM200 on 1st compound sum of RM200

6. Bagi tujuan pembayaran, sila lengkapkan slip bayaran kompaun yang dilampirkan berserta bayaran secara tunai / draf bank / kiriman wang atas nama **KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI**. Pembayaran boleh dibuat di **Kaunter Bayaran Cawangan Pungutan Kuala Lumpur / Kota Kinabalu / Kuching**.

7. Resit pembayaran kompauan dan salinan Borang E yang telah dilengkapkan (**jika berkaitan**), perlu dikemukakan ke pejabat ini kepada, [REDACTED] atau diemelkan ke : [REDACTED]@hasil.gov.my. Pegawai juga boleh dihubungi di talian : [REDACTED] sambungan [REDACTED].

Sila maklum bahawa sekiranya pihak LHDNM tidak menerima maklumbalas berhubung kes kompaun, tindakan mahkamah akan diteruskan dan sebarang permohonan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

3rd offense: to add RM200 on 2nd compound sum of RM400

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri MALAYSIA